



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

6 DEKAD YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN

12 RIBU ANAK MUDA MALAYSIA TERIMA MANFAAT MELALUI PELABURAN BERJUMLAH RM96.6 JUTA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos 2026 –Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) telah membantu lebih **12 ribu anak muda Malaysia** dengan nilai pelaburan berjumlah **RM96.6 juta** menerusi **biasiswa, bantuan kewangan dan program pembangunan kepimpinan** merentasi kaum dan agama sepanjang penubuhannya sejak tahun 1966.

Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-60 YTAR di ibu negara. YTAR telah membuka peluang kepada anak muda Malaysia untuk **melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di samping memperkasa potensi diri, membina kempimpinan dan menyumbang kepada pembangunan negara.**

Dalam ucapannya, YB Datuk Aaron berkata, “**Peranan YTAR bukan lagi sekadar menyediakan biasiswa tetapi mengenal pasti bakat, membuka akses dan membangunkan potensi anak muda**”. Beliau turut menyeru agar lebih banyak syarikat menjadikan pendidikan dan pembangunan bakat sebagai sebahagian agenda penting Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) organisasi masing-masing.

Majlis turut menyaksikan penghargaan khas diberikan sempena Ulang Tahun ke-60 YTAR kepada **Dr. Zakaria Ali dan Puan Ch’ng Kim See iaitu antara penerima terawal bantuan YTAR**. Dr. Zakaria Ali kini telah membina legasi sebagai pelukis, penulis, pendidik dan tokoh akademik seni manakala Puan Ch’ng Kim See pula ialah seorang tokoh berpengalaman dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat serantau.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri turut mengumumkan **pembukaan pencalonan bagi Anugerah Pingat Tunku 2026 bermula pada 31 Ogos-30 September 2026**. Pada tahun ini, buat julung kalinya **pencalonan persendirian (*self-nominations*) turut dibuka** kepada graduan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta di seluruh Malaysia.

Setiap penerima anugerah berpeluang memperoleh ganjaran wang tunai dan gerak projek mencecah **RM44,000** untuk menterjemahkan idea kepada tindakan dan menghasilkan impak kepada masyarakat.

Kementerian Perpaduan Negara

13 Ogos 2026

KPN.100-9/1/16 (67)

